

6 jabatan sedia hadapi banjir

Agensi tumpu lapan lokasi sering dinaiki air untuk kerja pemindahan

Oleh Amir Mamat
amirapis@bharian.com.my

● NORFAISAL JAHURI | BERITA HARIAN

JASIN: Sekurang-kurangnya enam jabatan dan agensi kerajaan negeri mengambil langkah berjaga-jaga 24 jam sehari selepas beberapa kawasan di daerah ini dilanda banjir kilat.

Antara jabatan terbabit termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Daerah Jasin, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan polis yang akan bertindak pada bila-bila masa apabila diperlukan.

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Wira Ahmad Hamzah, berkata sejak kelmarin, semua jabatan itu sudah dikerahkan ke lapan kawasan yang sering dinaiki air dan akan bertindak memindahkan mangsa banjir jika keperluan mendesak.

Katanya, kawasan itu ialah Kampung Paya Lengkong dan Kilang Berapi di Merlimau, Umbai, Chabau, Simpang Bekoh, Kesang, Tehel dan Parit Penghulu.

“Saya memuji langkah jabatan berkenaan yang bertindak segera menyiapkan segala persiapan bagi menghadapi banjir kilat,” katanya selepas menziarah bekas jurukamera



SEORANG penduduk melihat kawasan kediaman di Kampung Paya Laboh yang ditenggelami air.

Radio Televisyen Malaysia (RTM), Ahmad Janis di Serkam Pantai, di sini, kelmarin.

Ahmad yang juga Ketua UMNO bahagian Jasin, berkata sejak seminggu lalu, beliau bersama beberapa pegawai kerajaan serta badan kebajikan di daerah ini turun padang meninjau kawasan berkenaan bagi melakukan persiapan serta mengambil tindakan segera membantu mangsa banjir:

Katanya, ia termasuk membersihkan sungai dan parit selain mendalamkan saluran air di kawasan kampung.

“Saya yakin, jika berlaku banjir di kawasan berkenaan, ia tidak seteruk seperti yang pernah berlaku beberapa tahun lalu. Bagaimanapun, kita akan bertindak segera jika berlaku kejadian luar dugaan,” katanya.

Sementara itu, sebanyak 11 keluar-

ga membabitkan 51 orang dari Sungai Rambai dan Tehel terpaksa dipindahkan berikutan kediaman mereka dinaiki air sehingga 0.5 meter.

Di Sungai Rambai, lima keluarga membabitkan 24 mangsa dipindahkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Penghulu, manakala enam keluarga dengan 27 mangsa di Tehel pula ditempatkan sementara di SK Tehel.